

MENGURUS KEPERLUAN MAKANAN NEGARA

Peningkatan mendadak penduduk dunia menarik perhatian Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang memberi amaran bahawa dunia akan berhadapan dengan krisis kebuluran sekiranya isu bekalan makanan tidak ditangani secara tuntas. FAO mencadangkan sekuriti bekalan makanan untuk manusia perlu setara dengan kadar pertumbuhan penduduk.

Menjelang tahun 2030, jumlah penduduk dunia diunjurkan meningkat kepada 8.6 bilion, mengisyratkan bahawa hampir 60 peratus keperluan makanan penduduk dunia perlu ditingkatkan. Sejarang dengan pertumbuhan penduduk dunia, penduduk Malaysia juga diunjurkan akan meningkat. Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2020 berjumlah 32.8 juta orang dan menjelang tahun 2030, jumlah penduduk negara diunjurkan menghampiri 38.1 juta orang.

Menyadari hakikat tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebagai satu-satunya kementerian yang dipertanggungjawabkan berkaitan pembangunan sektor pertanian dan pengeluaran makanan, melaksana pelbagai pendekatan dan inisiatif secara tuntas bagi menjamin bekalan makanan negara sentiasa mencukupi. Hal ini selaras dengan saranan FAO yang menjadikan tema "Keselamatan Makanan, Tanggungjawab Setiap Individu" agar semua pihak menyedari tanggungjawab bersama terhadap sekuriti dan keselamatan makanan.

Menurut FAO, sekuriti makanan merujuk kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehi. Tegasnya, sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada sebarang masa memperoleh makanan berkhasiat dengan mencukupi. Terdapat tiga komponen utama dalam sekuriti makanan, iaitu kesiediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti mengikut keperluan manusia; penggunaan pada makanan yang lengkap dan berterusan, iaitu semua keperluan makanan dapat diperolehi; dan kestabilan penawaran bekalan makanan pada sepanjang masa.

Sejak negara mengempuk nikmat kemerdekaan, pelbagai siri rancangan pembangunan pertanian dilaksanakan oleh kerajaan bagi menjamin sekuriti makanan kepada penduduk menerusi dasar pembangunan pertanian. Pada 20

Disember 1974, Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak telah melancarkan Rancangan Buku Hijau yang memberikan penumpuan kepada pembangunan tanah sepenuhnya bagi tanaman jangka pendek, pekebunan berkelompok, rancangan ternakan dan pemeliharaan ikan air tawar. Kemudian pada tahun 1984, kerajaan melancarkan Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN 1) (1984-1991); DPN 2 (1992-1997) dan DPN 3 (1998-2010).

Pelan dasar pembangunan pertanian negara diteruskan dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) (2011-2020) sebagai langkah mentransformasi sektor pertanian supaya menjadi moden, dinamik dan kompetitif. DAN 1.0 ini dirangka bagi tujuan menjamin bekalan makanan negara mencukupi dan selamat, serta menjadikan sektor agromakanan berdaya saing. Seterusnya sebagai kesinambungan kepada DAN 2011-2020, YAB Perdana Menteri Malaysia melancarkan DAN 2.0 pada 25 Oktober 2021.

DAN 2.0 digerakkan berasaskan tiga prinsip utama, iaitu sektor agromakanan yang berdaya saing dan inovatif bagi memberi impak peningkatan ekonomi, kesejahteraan pengeluar makanan dan keterangkuman dalam pembangunan sektor, dan anjakan paradigma ke arah suatu sistem makanan yang mampan serta bersesuaian dengan perubahan iklim. Dalam erti kata lain, pelaksanaannya akan mengambil kira impak dari sudut ekonomi, sosial dan alam sekitar. DAN 2.0 yang akan menjadi hala tuju dalam mengurus keperluan makanan penduduk sehingga 2030, akan memberi tumpuan khusus kepada empat subsektor, iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan, serta perikanan dan akuakultur.

Pelbagai strategi turut dirangka bagi memfokuskan aktiviti pertanian bernilai tinggi di sepanjang rantaian nilai makanan yang dijangka dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada golongan sasar

dan meningkatkan taraf sosioekonomi petani, penternak, nelayan dan usahawan tani.

Industri pengeluaran padi dan beras antara sektor industri yang diberikan tumpuan dalam DAN 2.0. Sebagai makanan rui rakyat Malaysia yang mempunyai penggunaannya perkapita sebanyak 76.5 kilogram setahun, pengeluaran beras akan terus ditingkatkan dengan sasaran tahap sara diri (SSL) 80 peratus menjelang tahun 2030. Oleh hal demikian, industri padi yang menghasilkan pengeluaran 2.4 juta tan metrik pada tahun 2019 akan terus diperkasa menerusi transformasi ke tahap moden, cekap, mapan dan kompetitif. Berdasarkan perangkaan Agromakanan MAFI (2019), Kedah masih mengekalkan status "jelapang padi negara" dengan menghasilkan pengeluaran sebanyak 859 018 tan metrik, diikuti Kelantan (268 831 tan metrik), Perak (257 605 tan metrik), Sarawak (215 491 tan metrik) dan Perlis (209 828 tan metrik).

Terdapat 12 kawasan jelapang padi di negara ini yang aktif mengeluarkan padi, antaranya termasuklah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di Kerian, Barat Laut Selangor, Pulau Pinang, Seberang Perak, Projek Pertanian Terengganu Utara (KETARA), Semerak, Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lupar.

MADA merupakan pengeluar padi tahunan terbesar dengan pengeluaran 645 584 tan metrik, diikuti KADA sebanyak 131 958 tan metrik dan Barat Laut Selangor sebanyak 113 158 tan metrik. Antara faktor penyumbang ketiga-tiga kawasan jelapang padi tersebut berpengeluaran tinggi ialah bekalan sumber air yang mencukupi, pembekalan input pertanian yang sistematis, sistem pengairan dan saliran yang baik dan penanaman yang menepati jadual. Dengan bilangan penanam padi negara yang berjumlah 192 663 orang, industri ini telah menyumbang pengeluaran hasil padi sebanyak 2.4 juta tan metrik yang bernilai RM2.6 bilion setahun.

Selain itu, sektor tanaman buah-buahan disasarkan meningkat daripada 78.2 peratus kepada 83 peratus menjelang tahun 2030. Pada tahun 2019, tanaman buah-buahan seperti durian, pisang, tembikai, belimbing, dokong, buah naga dan jambu batu menghasilkan pengeluaran berjumlah 1.5 juta tan metrik yang bernilai RM9.8 bilion. Buah-buahan ini ditanam di atas tanah berkeluasan 184 549 hektar oleh petani yang berjumlah 134 708 orang, manakala sayur-sayuran pula diusahakan oleh seramai 43 009 orang pekebun di atas tanah berkeluasan 62 026 hektar. Hasil pengeluaran sayur-sayuran seperti bayam, kailan, salad, cili, kacang panjang, terung, mentimun, tomat, lobak dan kubis berjumlah 1.02 juta tan metrik dengan nilai RM2.23 bilion. Tanaman kontan seperti jagung manis, ubi kayu, ubi keladi, keledek dan kacang tanah turut diberikan tumpuan di bawah dasar sekuriti makanan yang melibatkan sejumlah 10 610 orang pekebun. Tanaman kontan ini menghasilkan pengeluaran 221 310 tan metrik yang bernilai RM440 juta.

Industri ternakan merupakan sumber penting bekalan daging dan makanan berasaskan protein kepada penduduk. Berasaskan Perangkaan Agromakanan MAFI 2019, terdapat seramai 20 376 orang penternak lembu yang menternak 657 407 ekor, 1454 penternak kerbau (101 695 ekor), 7527 penternak kambing (312 571 ekor) dan 1421 penternak bebiri (121 677 ekor). Ternakan lembu menghasilkan pengeluaran sebanyak 37 ribu tan metrik daging lembu bernilai RM1330 juta, kerbau menghasilkan pengeluaran 7370 tan metrik daging bernilai RM254 juta, kambing menghasilkan pengeluaran 2171 tan metrik daging bernilai RM91.5 juta dan bebiri menghasilkan pengeluaran 2000 tan metrik daging bernilai RM76.1 juta. Penternakan lembu tenusu dari baka Friesian dan Jersey pula menghasilkan 41 juta liter susu segar dengan nilai RM1.33 bilion.

Di samping itu, terdapat sebanyak 2742 orang penternak ayam yang bertanggungjawab membekalkan bekalan daging dan telur ayam kepada masyarakat pengguna di negara ini. Menerusi 285 juta ekor ayam yang ditenak di seluruh negara,

industri ternakan ayam menyumbang sebanyak 1.59 juta tan metrik daging ayam yang bernilai RM10.6 bilion, manakala pengeluaran telur ayam berjumlah 10.9 bilion biji dengan nilai RM4.4 bilion. Menjelang tahun 2030, pencapaian SSL bagi daging lembu disasarkan kepada 50 peratus, yakni daging ayam (SSL, 140%), telur ayam (SSL, 123%) dan susu segar (SSL, 100%).

Selain sumber daging daripada lembu dan ayam, ternakan ikan juga menyumbang bekalan makanan berasaskan protin yang sangat penting. Berdasarkan kedudukan geografi, negeri di Malaysia yang dikelilingi lautan ialah sebahagian besarnya dari pantai Sabah, Sarawak dan negeri di Pantai Timur menghadap perairan Laut China Selatan, manakala pantai di negeri Pantai Barat menghadap Selat Melaka; menjadikan sektor perikanan sebagai sektor ekonomi yang penting dan berdaya saing. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua perairan ini masih kaya dengan sumber perikanan dan hidupan laut.

Sektor perikanan negara boleh dibahagikan kepada tiga aktiviti, iaitu perikanan pinggir pantai, perikanan laut dalam dan akuakultur. Kegiatan perikanan pinggir pantai diusahakan oleh nelayan pinggir pantai menggunakan kaedah tradisional seperti kelong, pukat tangkul, pukat tarik dan sebagainya, yakni mereka hanya dibenarkan bergerak dalam kawasan tidak melebihi daripada 32 kilometer dari pantai. Oleh hal demikian, sumbangan nelayan pinggir pantai kepada hasil pengeluaran ikan negara hanya sekitar 0.3 peratus dengan penglibatan sebanyak 3205 orang nelayan.

Sebaliknya, perikanan akuakultur menjadi sektor kedua penting dengan menyumbang bekalan ikan negara sebanyak 22 peratus. Terdapat 20 149 orang pengusaha akuakultur pada tahun 2019 dengan jumlah pengeluaran 412 ribu tan metrik bernilai RM3.3 bilion. Terdapat dua jenis perikanan akuakultur, iaitu perikanan air tawar dan perikanan air masin dan air payau. Akuakultur menggunakan kaedah moden seperti kolam buatan dan ternakan bersirkulasi dengan pembekalan benih ikan secara kakukan atau semula jadi. Penternak kecil-kecilan menyasarkan

hasil pengeluaran mereka dalam negara seperti di pasar tani, pasar malam atau kedai-kedai runcit, manakala penternak berskala besar yang menggunakan teknologi tinggi menyasarkan pengeluaran berasaskan eksport ke luar negara seperti Taiwan, Jepun dan Singapura. Antara hasil perikanan akuakultur bernilai tinggi yang dieksport ialah udang harimau, kerapu dan siakap.

Berdasarkan data dari Jabatan Perikanan (DOF) 2019, didapati bahawa sumbangan pengeluaran perikanan marin ialah berjumlah 1.45 juta tan metrik yang bernilai RM3.304 bilion. Memandangkan kebanyakan aktiviti perikanan ini bergantung sepenuhnya kepada peralatan penangkapan ikan secara moden seperti penggunaan bot besar dan beratnya hingga 200 tan, jentera penarik pukat, sistem radar pengesanan, sistem telekomunikasi moden, kemudahan pendingin beku, maka hal ini melibatkan nelayan terlatih dan bermodal besar. Di Malaysia, beberapa kompleks pendaratan ikan laut dalam dibina yang terletak di Pelabuhan Tok Bali (Kelantan), Kuala Perlis (Perlis), Kuala Kemaman (Terengganu) dan Tanjung Api (Pahang). Perikanan laut dalam membolehkan nelayan menjalankan operasi penangkapan hingga ke Lautan Pasifik, Lautan Hindi dan Laut Cina Selatan.

Krisis kewangan yang dihadapi dunia pada tahun 1997 dan krisis makanan global pada tahun 2008 turut memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia. Dalam hal ini, Rancangan Buku Hijau dan Dasar Pertanian Negara yang dilaksanakan terdahulu telah menyediakan asas kukuh sektor pertanian dalam membantu ekonomi negara menghadapi kedua-dua krisis berkenaan. Pengurusan sekuriti makanan negara yang cekap dan berdaya tahan diteruskan menerusi DAN 1.0 dan DAN 2.0 yang merupakan langkah strategik bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada rakyat. Selain prihatin terhadap kos sara hidup yang ditanggung, pengeluaran makanan yang kompetitif dari segi kos akan memastikan rakyat mendapat bekalan makanan pada harga yang berpatutan. □